

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 April 2017

SOALAN

Dato' Jaspal Singh minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah jenis-jenis bantuan yang terdapat bagi keluarga-keluarga yang kurang mampu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat terutamanya untuk kanak-kanak yang bersekolah.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab membantu keluarga yang berpendapatan rendah serta mereka yang memerlukan. Antara bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu keluarga yang miskin atau tiada sumber pendapatan serta mempunyai anak dalam tanggungan adalah seperti berikut: 1) Bantuan Kanak-Kanak Bantuan Kanak-kanak (BKK) adalah bantuan kewangan bulanan kepada keluarga miskin yang menanggung anak berumur di bawah 18 tahun dengan kadar minimum RM100 sebulan seorang dan maksimum RM450 sebulan untuk satu keluarga. BKK juga masih diteruskan bagi anak-anak yang berumur lebih 18 tahun sekiranya mereka masih bersekolah hingga tahap Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setarafnya. 2) Bantuan Am Bantuan Am adalah bantuan bulanan yang disalurkan bagi menampung perbelanjaan harian klien dan keluarga. Kadar Bantuan Am Persekutuan adalah minimum RM100 dan maksimum RM350 sebulan. Manakala kadar Bantuan Am Negeri adalah berbeza mengikut negeri. 3) Bantuan Geran Pelancaran Bantuan Geran Pelancaran adalah bantuan sekaligus dengan kadar maksimum RM2,700 bagi membantu klien Jabatan yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi. Ini adalah bagi membolehkan mereka menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka. Bantuan kebajikan disediakan bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana bantuan kebajikan ini bukanlah untuk menampung sepenuhnya kos sara hidup tetapi sebagai langkah sementara bagi membantu kumpulan sasar. Pada masa yang sama, Kementerian turut memberi tumpuan kepada pendekatan Productive Welfare bagi membantu para penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan

